



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	5/11/2019	MUKA SURAT	: 17
JABATAN	:	KATS / BMG / JMG		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Perlombongan bauksit

SOP ikut syarat ketat, patuhi EIA

Kuala Lumpur: Kerajaan memulakan Prosedur Operasi Standard (SOP) aktiviti perlombongan dan pengkeksportan bauksit di Pahang dilaksanakan mengikut syarat yang ketat.

Selain mengambil kira proses permohonan, pengangkutan, 'stockpile' berpusat dan pengeksportan, pengkaji industri perlu mematuhi laporan penilaian impact alam sekitar (EIA), penempatan saiz minimum tapak lombong dan pemprosesan bijih bauksit.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata SOP yang disediakan adalah merangkumi seluruh rangkaian aktiviti bagi perlombongan dan pengkeksportan bauksit bermula dari pra perlombongan, semasa hingga pasca perlombongan.

"SOP ini mengambil kira pandangan semua pemegang taruh termasuk masyarakat tempatan, ternasuk masyarakat dan badan bukit pengkaji industri dan badan bukit kerajaan (NGO)."

"Ia juga dinilai secara bebas oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian SOP Perlombongan dan Pengkeksportan Bauksit Negeri Pahang," katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Che Alias Hamid (PAS - Kemaman) mengenai tempoh percubaan kerajaan dalam menguji keberkesanan SOP baharu bagi perlombongan dan pengkeksportan bauksit.

Katanya, bagi menguji keberkesanan SOP baharu ini, kerajaan Pahang bersetuju supaya hanya beberapa operator dibenarkan di kawasan Gebeng, Kuantan selepas mendapat kelulusan ditetapkan.

"Tempoh enam bulan diperlukan bagi menguji keberkesanan SOP ini sebelum aktiviti perlombongan bauksit boleh dibuka bagi seluruh negeri," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga mempertimbangkan langkah untuk melaksanakannya perubahan terhadap SOP berkenaan mengikut keperluan supaya aktiviti perlombongan bauksit dilaksanakan secara mampan.



SOP ini ambil kira pandangan semua pemegang taruh termasuk masyarakat tempatan, pengkaji industri dan NGO.

Xavier Jayakumar,
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli